

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
22 NOVEMBER 2024**

**PERKARA : 5(B)24**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

24. Senaraikan jenis pampasan dari Kerajaan Negeri, jumlah yang boleh dimohon dan bagaimana memohon sekiranya berlaku bencana.
- (a) Berapakah jumlah yang telah dikeluarkan Kerajaan Negeri membantu mangsa bencana tahun ini? Namakan bencana yang dibantu.

**YB LIM SIEW KHIM  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Kerajaan Negeri memberi bantuan khas Tabung Bencana Negeri Pulau Pinang (sebelum ini dikenali sebagai Tabung TYT) kepada mangsa-mangsa yang terjejas akibat bencana iaitu 10% daripada nilai kemusnahan / kerosakan dan bantuan minimum adalah sebanyak RM200.00 dan bantuan maksimum adalah sebanyak RM5,000.00. Selain itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan Bantuan Wang Ihsan (BWI) berjumlah RM1,000.00 dengan syarat mangsa berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang berdaftar dan Bantuan Wang Ihsan Kematian (BWI Kematian) sebanyak RM10,000.00 untuk

diberikan kepada mangsa yang meninggal akibat bencana yang berlaku termasuk banjir. Kedua-dua bantuan ini boleh dipohon melalui Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

- (a) Ringkasan jumlah bantuan di bawah Tabung Bencana Negeri yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah bermula 1 Januari 2024 sehingga 15 Oktober 2024 untuk membantu mangsa bencana adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes</b>	<b>Jumlah Nilai Bantuan (RM)</b>
1	Daerah Timur Laut	118	90,460.00
2	Daerah Barat Daya	61	37,350.00
3	Daerah Seberang Perai Utara	210	164,200.00
4	Daerah Seberang Perai Tengah	130	78,000.00
5	Daerah Seberang Perai Selatan	46	34,250.00
<b>JUMLAH</b>		<b>565</b>	<b>404,260.00</b>

Selain itu, Kerajaan Negeri juga mendapat sokongan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Semasa berlakunya bencana, JKM melalui Dasar Bantuan Negeri menyediakan Bantuan Pemulihan Bencana yang boleh dipertimbangkan untuk membantu mangsa bencana pulih daripada kesan bencana tersebut. Jumlah maksimum Bantuan Pemulihan Bencana bagi satu keluarga ialah RM10,000.00. Syarat

kelayakan adalah warganegara dan bermastautin di Negeri Pulau Pinang serta pendapatan isi rumah sebulan tidak melebihi RM 5,000.

Bantuan Pemulihan boleh dipertimbangkan bagi tujuan membantu mangsa bencana untuk pulih daripada kesan bencana tersebut. Bantuan yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:

**(i) Bantuan Sekolah**

- 1) Bantuan menggantikan peralatan sekolah yang musnah sebanyak RM100.00 bagi seorang murid/pelajar;
- 2) Bantuan pakaian seragam sekolah boleh dipertimbangkan sebanyak RM150.00 bagi seorang murid/pelajar; dan
- 3) Jumlah yang boleh diluluskan untuk seorang murid/pelajar tidak melebihi RM250.00.

**(ii) Bantuan Pakaian**

Jumlah maksimum RM150.00 bagi setiap orang mangsa bencana yang terlibat.

**(iii) Bantuan Keluarga dan Barang Keperluan**

Jumlah maksimum RM300.00 bagi setiap keluarga.

**(iv) Bantuan Membaiki Rumah**

Jumlah maksimum sekali bayar RM5,000.00 bagi setiap keluarga.

**(v) Bantuan Maksimum**

Jumlah maksimum bagi satu keluarga ialah RM10,000.00 sahaja.

Ringkasan jumlah bantuan di bawah Bantuan Pemulihan Bencana yang dikeluarkan oleh JKM Pulau Pinang mengikut daerah bermula 1 Januari 2024 sehingga 15 Oktober 2024 untuk membantu mangsa bencana adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Daerah</b>	<b>Kes</b>	<b>Jumlah Nilai Bantuan (RM)</b>
1	Daerah Timur Laut	11	49,300.00
2	Daerah Barat Daya	0	0
3	Daerah Seberang Perai Selatan	14	39,050.00
4	Daerah Seberang Perai Utara	1	3,100.00
5	Daerah Seberang Perai Tengah	2	7,550.00
<b>JUMLAH</b>		<b>28</b>	<b>99,000.00</b>

Selain itu, melalui Dasar Bantuan Negeri, terdapat Tabung Bantuan Segera Negeri (TBSN) yang diberikan secara sekali bayar (one-off) kepada mangsa yang mengalami bencana kecil. Kadar bayaran maksimum adalah RM500.00, yang boleh diberikan dalam bentuk tunai atau barangan.

Permohonan bantuan tersebut boleh dibuat melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di kawasan di mana bencana itu berlaku. Mangsa diwajibkan membuat laporan polis terlebih dahulu untuk tujuan permohonan.

JKM melalui Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM99,000.00 pada tahun 2024 untuk membantu mangsa bencana. Bantuan ini melibatkan

bencana seperti banjir, ribut, dan kebakaran yang berlaku.